

ISSUE #68/12 APRIL 2026

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



SAKSI 130 JUTA PERTUNANGAN

*Bella Astillah,
Syed Saddiq*



Lamaran Syed Saddiq Di Puncak Gunung Kinabalu, Bella Astillah Kata 'Yes'

Teka-teki mengenai hubungan pelakon Bella Astillah dengan Ahli Parlimen Muar iaitu Syed Saddiq akhirnya terjawab apabila pasangan itu selamat mengikat tali pertunangan pada Sabtu.

Majlis pertunangan yang diadakan secara sederhana dihadiri oleh ahli keluarga serta rakan terdekat kedua-dua pihak.

Bella yang juga seorang penyanyi tampil anggun dengan menggayakan busana berwarna sage green rekaan Atelia Amani.

Dalam majlis berkenaan, pihak Bella menerima lima dulang hantaran dan membalas dengan tujuh dulang kepada pihak Syed Saddiq.

Rakan artis yang turut hadir memeriahkan majlis pertunangan tersebut antaranya Nabil Ahmad, Nora Danish, Betty Rahmad, Ellie Suriaty, Tya Ariffin, Nur Fazura dan Que Haidar.

Majlis pertunangan Bella Astillah dan YB Syed Saddiq itu juga mencipta sejarah tersendiri apabila berjaya menarik perhatian jutaan rakyat Malaysia, sekaligus muncul sebagai antara momen budaya paling hangat diperkatakan di negara ini.

Acara tersebut mencatatkan hampir 130 juta tontonan merentas pelbagai platform, dengan Astro memacu penglibatan kukuh menerusi ekosistem multi-platformnya termasuk Astro Ria, Astro AWANI, Astro Gempak, ERA, Astro GO dan Sooka.

Siaran langsung ini turut mencatatkan penglibatan tinggi di seluruh negara, dengan jumlah tontonan keseluruhan merentas semua platform Astro melebihi 4 juta penonton.

Di platform digital, ia meraih lebih 6.5 juta tontonan langsung, sebelum berkembang kepada lebih 121 juta tontonan di media sosial Astro dalam tempoh sehari, sekali gus meletakkannya sebagai antara acara paling banyak ditonton tahun ini, selain mencerminkan bagaimana penonton berinteraksi secara lancar merentas pelbagai skrin.



12



55

M

KODAK PORTRA 400
D45128120

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mengakui lamaran yang dibuat untuk tunangnya yang juga penyanyi, Bella Astillah di puncak Gunung Kinabalu adalah satu momen yang cukup peribadi dan istimewa baginya.

Meskipun perancangan lamaran itu tidaklah begitu rumit namun menurut Syed Saddiq untuk sampai ke puncak itu adalah cabaran utama untuk mereka.

"Ia taklah rumit, yang rumitnya sampai ke Gunung Kinabalu lah kat atas tu. Tapi saya yakin kerana kita berdua dah berjaya menawan Gunung Kinabalu pada tahun sebelumnya," katanya kepada Gempak.

Apa yang menarik, momen lamaran tersebut dirahsiakan sepenuhnya tanpa pengetahuan ramai, termasuk kru yang berada di lokasi.

Menurut Syed Saddiq, hanya seorang pegawainya sahaja yang dimaklumkan bagi tujuan merakam detik tersebut, sebelum video itu dipindahkan dan dipadam bagi memastikan privasi terjaga.

"Saya tak beritahu ramai orang. Sejujurnya bila di atas, Bella memang tak tahu lagi. Krew kat atas semua tak tahu sebab saya nak pastikan video tu disimpan hanya untuk kita.

"Saya tarik Bella sebentar ke tepi, maklumkan niat saya, dia rekod terus transfer kat saya dan delete. So hanya ada di telefon saya, because I wanted it to be a very private moment for us," ujarnya.

Dalam pada itu, Syed Saddiq turut berkongsi mengapa dia memilih untuk melamar Bella di puncak Gunung Kinabalu.

"Iron Lady dari Sabah. Saya rasa Gunung Kinabalu la yang melambangkan keindahan, kecantikan, dan keutuhan Sabah turut dicerminkan dalam sifat Bella," ujarnya.

Sementara itu, Bella pula mengakui dirinya benar-benar terkejut dengan lamaran tersebut sehingga tidak mampu mengeluarkan kata "yes" pada saat itu.

"Saya speechless. Perasaan bercampur baur... penat, hujan lebat, sejuk. Saya terkejut, sampai 'yes' pun tak keluar. Saya memang tak expect langsung. Orang ada cakap tapi saya tak nampak pun tanda-tanda jadi memang tak terfikir.

"Saya pun nampak tak bersedia... dengan snowcap semua. Bella memang tak tahan sejuk. Tapi it was a very, very meaningful moment. Our forever cherished memory," kata Bella.

Ayden Teruja Sambut Syed Saddiq Sebagai 'Daddy'

Anak kepada penyanyi dan pelakon, Bella Astillah iaitu Mohamad Ayden Adrean meluahkan rasa syukur apabila bakal menerima ahli keluarga baharu dalam hidupnya.

"Saya sangat gembira kerana sekarang saya sudah ada keluarga baharu yang masuk ke dalam keluarga kecil kami," katanya ringkas.

Dalam pada itu, Ayden turut menyifatkan Syed Saddiq sebagai seorang individu yang sangat baik.

"Daddy (Syed Saddiq) seorang yang baik, sporting dan handsome," ujarnya.



13 Juta Strim, Jodoh Lebaran Cipta ‘Perayaan Untuk Semua’

Penyanyi dan komposer, Aisha Retno meluahkan rasa syukur selepas lagu raya terbaharunya iaitu Jodoh Lebaran menerima sambutan luar biasa daripada pendengar.

Menurut Aisha, kejayaan lagu tersebut memberi makna besar buat dirinya kerana ia merupakan lagu keduanya yang mendapat sambutan yang sangat menggalakkan selepas single Inggerisnya, W.H.U.T yang juga berjaya mendapat sambutan di negara jiran, Indonesia.

"Sebenarnya ini adalah kali kedua sebenarnya selepas lagu W.H.U.T. Saya sangat gembira apabila lagu ini menerima sambutan yang sangat baik daripada semua orang.

"Saya sendiri memberi tekanan kepada diri sendiri kerana dahulu sudah tular dengan lagu Ketipak Ketipung Raya jadi memang saya agak skeptikal apabila mahu lancarkan lagu Jodoh Lebaran tapi apabila melihat kejayaan lagu ini sehingga boleh cecah 13 juta strim saya sangat bersyukur.

"Saya juga sangat bersyukur kerana lagu ini juga mendapat tempat di Indonesia. It's a raya after all, so sesiapa yang nak dengar lagu ni boleh dipersilakan," katanya kepada Gempak.

Melihat kepada sambutan daripada netizen, Aisha juga akui tidak sangka lagu itu berjaya menambat hati semua lapisan umur dan masyarakat.

Namun, penyanyi berusia 25 tahun itu percaya lagu raya bukan sekadar hiburan semata-mata, sebaliknya satu bentuk perayaan yang menyatukan semua golongan tanpa mengira latar belakang.

"Saya rasa lagu raya ni, it's a celebration for all. Tak kira umur kan, kaya ke miskin ke, tua muda. So kita kena ada aim bila release lagu ni, target market apa... kalau boleh itu memang kena cari yang diterima semualah.

"That's why Aisha letak macam lirik "dua tiga sembilan hari", macam tu mengambil memorilah untuk pantun-pantun kita, macam tu," ujarnya.

Dalam pada itu, Aisha turut bersikap terbuka menerima apa sahaja gelaran atau pandangan yang diberikan oleh peminat, malah menganggapnya sebagai motivasi untuk terus berkarya.

"Apa pun yang orang gelarkan pada Aisha, Aisha terima dengan baik. Itu semua jadi pembakar semangat untuk Aisha terus buat muzik, terutamanya lagu raya," katanya lagi.



Rancang Terbitkan Raya EP

Melihat kepada sambutan luar biasa, Aisha tidak menolak kemungkinan untuk tampil dengan lebih banyak karya pada masa akan datang, termasuk menghasilkan sebuah EP khas lagu raya.

"Kalau ramai nak lagu raya yang lebih meruntun jiwa, Aisha akan buat. Kalau nak yang rancak macam Jodoh Lebaran pun boleh.

"Mungkin insya-Allah, kalau ada permintaan tinggi lagi tahun depan, Aisha akan keluarkan satu Raya EP supaya pendengar ada lebih banyak pilihan," katanya lagi.

Raya Di KL, Aisha Retno Hidang Ayam Gepuk dan Bakso

Bagi sambutan perayaan kali ini juga, Aisha Retno memilih untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri secara sederhana bersama keluarga di Kuala Lumpur.

Menurut Aisha, mereka sekeluarga tidak pulang ke kampung di Besut dan Jakarta kerana kebanyakan ahli keluarganya sudah menetap di Kuala Lumpur.


"Untuk raya kali ini sambutan sederhana sahaja bersama keluarga. Kami tak balik Besut, tak balik Solo dan Jakarta pun tak balik. Hampir setiap tahun memang jadi rutin sambut raya di Kuala Lumpur. Sebenarnya saya memang teringin nak balik kampung di Besut atau di Indonesia.

"Tapi sebab ramai ahli keluarga sudah tiada dan kebanyakan yang lain sudah bermastautin di Kuala Lumpur, jadi biasanya kami berkumpul di sini sahaja," katanya kepada Gempak.

Dalam pada itu, menurut pelantun lagu Jodoh Lebaran setiap kali tibanya musim perayaan keluarganya pasti akan menghidangkan ayam gepuk dan bakso sebagai menu buat santapan tetamu ketika berkunjung.

"Saya pernah buat 'confession' di media sosial. Kadang-kadang orang kata 'Aisha semua benda boleh buat'. Tapi saya jujur, saya sebenarnya tak pandai masak. Saya cuba juga masak. Antara yang saya boleh buat adalah ayam penyet dan bakso sebab itu resipi Mama.

"Resipi Mama memang yang terbaik. Dia suka masakan pedas, jadi harap-harap calon jodoh nanti pun suka pedas," katanya berseloroh. - ASYRAF ROSLAN



Kenali Imranul Effendy, Jejaka ‘Granger’ Dalam MV Jodoh Lebaran Aisha Retno!

Bermula daripada sekadar panggilan rakan untuk menjadi salah seorang talent, nama personaliti media sosial, Imranul Effendy kini semakin mencuri perhatian ramai selepas lagu raya nyanyian Aisha Retno berjudul Jodoh Lebaran tular di media sosial.

Menurut Imranul, dia tidak menyangka kemunculannya dalam muzik video tersebut mendapat reaksi yang begitu positif daripada penonton, sekali gus memberi suntikan semangat buat dirinya untuk terus mengembangkan bakat dalam industri seni.

“Saya dapat panggilan daripada kawan untuk jadi talent dalam MV Aisha Retno. Saya sangat gembira sebab dapat maklum balas yang positif. Saya tak sangka ramai yang menerima kehadiran saya dalam MV itu.

“Ada juga yang DM saya dan cakap mereka bangga dengan saya, siap doakan supaya saya boleh jadi seperti Remy Ishak,” katanya kepada Gempak.

Dalam masa sama, Imranul turut meluahkan rasa senang bekerja dengan Aisha yang disifatkannya sebagai seorang yang sangat merendah diri, mudah didekati dan sentiasa menceriakan suasana di set penggambaran.

"Dia seorang yang sangat baik dan peramah. Kami sangat berseronok sepanjang penggambaran. Dia pernah menenangkan saya dan memberi kata-kata semangat semasa rehearsal sebab saya banyak buat kesilapan dan tak hafal langkah tarian," ujarnya.

Imranul yang terkenal dengan tarian dangdut di TikTok turut mengakui dia berdepan cabaran besar untuk menyesuaikan diri dengan tarian tradisional, lebih-lebih lagi kerana dia tidak mempunyai asas dalam bidang tersebut. "Saya memang tiada asas menari tarian tradisional, tetapi saya ada keyakinan kerana saya penari bebas hip hop. Kali terakhir saya menari pun semasa zaman sekolah, jadi agak sukar untuk saya menukar kepada langkah tarian tradisional.

"Tarian tradisional lebih strict kerana ada bentuk dan lenggoknya yang tersendiri, sebab itu agak sukar untuk dihafal. Namun, saya cuba menampilkan tarian tradisional sebagai lelaki Melayu dan pada masa sama menjaga elemen kemelayuan itu. Kami membuat rehearsal selama dua hari secara berkumpulan dan dua hari lagi saya berlatih sendiri," jelasnya.

Terkenal dengan gelaran 'Granger', Imranul Effendy turut tidak menyangka gaya rambutnya itu secara tidak langsung menjadi identiti tersendiri sehingga menarik perhatian ramai, khususnya dalam kalangan pengguna permainan Mobile Legends.

"Memang saya sengaja buat gaya rambut macam ini. Semuanya bermula apabila saya teringin nak buat highlight rambut, saya tak tahu nak buat gaya apa dan secara random buat di bahagian tepi.

"Namun ketika saya buat content, tiba-tiba ada orang panggil saya 'Granger' dari aplikasi Mobile Legend. Saya sendiri pun tak tahu mengenai watak hero aplikasi itu. Mula-mula saya ingat itu makanan. Alhamdulillah, nampaknya ia tarik perhatian ramai," katanya. - NURIN JASNI



SPM 2025 Pecah Rekod, Ini 7 Kisah Anak Selebriti Yang Raih Keputusan Cemerlang

Keputusan SPM 2025 mencipta sejarah apabila mencatatkan Gred Purata Kebangsaan (GPK) terbaik sejak format baharu diperkenalkan, sekali gus membuktikan peningkatan prestasi akademik pelajar Malaysia secara keseluruhan.

Lebih membanggakan, seramai 366,435 calon layak menerima sijil SPM, meningkat sebanyak 0.28 peratus berbanding tahun sebelumnya. Di sebalik angka yang memberangsangkan ini, muncul pelbagai kisah inspirasi termasuk daripada anak-anak selebriti tempatan yang berjaya membuktikan kecemerlangan masing-masing. - AMRI HASSAN



ANAK LINDA RAFAR RAIH 9A, BAKAL TERIMA HADIAH KERETA

Kejayaan anak Linda Rafar meraih 9A bukan sahaja membanggakan, malah mencetuskan momen penuh emosi apabila penyanyi itu berhasrat menghadihkan sebuah kereta sebagai tanda penghargaan.

"Saya rasa sangat bangga dengan dia," kata Linda.



ALYSSA DEZEK BUKTIKAN DISIPLIN KUNCI KEJAYAAN

Penyanyi dan pengengaruh muda ini sekali lagi membuktikan dirinya bukan sekadar popular di media sosial apabila berjaya memperoleh keputusan straight A.

"Perjalanan ini bukan mudah kerana saya perlu membahagikan masa antara kerjaya dan pelajaran," katanya yang akui disiplin dan fokus yang konsisten menjadi kunci utama kejayaannya.



ANAK AIDID MARCELLO RAIH 8A WALAU TUKAR HALUAN

Walaupun pernah meninggalkan sistem persekolahan selama setahun setengah untuk mengikuti pengajian tahfiz, anak Aidid Marcello membuktikan keputusan itu tidak menghalang kecemerlangan apabila berjaya meraih 8A.



ANAK SHARIFAH ZARINA BANGKIT DARI LABEL 'LEMAH'

Pernah dilabel sebagai pelajar lemah, anak kepada Sharifah Zarina akhirnya membuktikan sebaliknya dengan keputusan 8A 1B. Lebih menarik, kekuatan spiritual seperti menjaga solat menjadi antara faktor utama yang membantu membentuk disiplin diri dan keyakinan untuk berjaya.

"Kekuatan solat tahajud. Alhamdulillah. Usaha tidak pernah mengkhianati hasil," ujarnya.



ANAK RAHMAD MEGA RAIH 9A, IMPIAN JADI PAKAR BEDAH

Kejayaan memperoleh 9A membuka laluan besar buat anak Rahmad Mega untuk mengejar impian menjadi pakar bedah.

"Saya mahu buktikan anak seorang artis juga mampu berjaya dalam bidang profesional jika ada kesungguhan," katanya.



MARIA DANISHA KONGSI DEBARAN BERSAMA NORMAN HAKIM

Anak bongsu kepada pasangan selebriti Norman Hakim dan Abby Abadi, Maria Danisha Hakim, 18, mencuri perhatian apabila mencatatkan keputusan memberangsangkan dalam SPM 2025.

"Itu bukan sesuatu yang mudah dan Papa sangat bangga," kata Norman Hakim.



ANAK FIZA HALIM SERLAH 'BEAUTY & BRAINS' DENGAN 9A

Anak kepada Fiza Halim turut mencuri perhatian apabila berjaya meraih 9A, sekali gus mengukuhkan label 'beauty with brains'.

Kejayaan ini membuktikan bahawa penampilan dan kecerdikan boleh bergerak seiring, asalkan disokong dengan usaha dan dedikasi yang tinggi.



Pengarah: Deni Saputra
Pelakon: Aulia Sarah, Agla Artalidia, Cindy Nirmala
Genre: Seram

Rahayu adalah seorang bidan kampung yang menjalani kehidupan yang tenang bersama keluarga kecilnya. Bagaimanapun, segalanya berubah apabila dia mula mengalami beberapa siri bencana yang mula mengganas dan mengancam hidupnya. Bencana mistik ini memuncak pada malam Satu Suro, menimbulkan persoalan utama tentang pelanggaran tradisi yang telah berlaku.

Pengarah: Leung Hung-Wah
Pelakon: Chris Tong, Zhang Yao Dong, Fish Liew, Sahronizam Noor, Luvin Ho, Crystal Chow, Henick Chou
Genre: Aksi/Drama

Mengisahkan tentang Paisa, bekas polis yang dituduh rasuah, nekad merampas bas untuk membersihkan maruahnya. Filem aksi-drama ini, yang diinspirasi daripada kisah benar, memaparkan konflik emosi mendalam apabila mangsa terperangkap dalam situasi tegang dan penuh rahsia.

Pengarah: Kirill Sokolov
Pelakon: Zazie Beetz, Patricia Arquette, Tom Felton, Heather Graham, Myha'la
Genre: Seram

Mengisahkan seorang wanita muda yang bekerja sebagai petugas kebersihan di sebuah apartmen mewah New York, sebelum mendapati premis itu dikuasai oleh individu yang melakukan ritual korban manusia. Dia terpaksa bertarung nyawa untuk bertahan hidup daripada penghuni apartmen tersebut.



RM10.2 Juta Dalam Seminggu, Malaikat Malam Jadi Fenomena Baharu



Industri seni tempatan jarang mengangkat genre 'supernatural' kerana memerlukan penelitian tinggi, namun *Mikael: Pemburu Dua Alam* berani mencuba pendekatan baharu, sekali gus menyuntik nafas segar dalam dunia perfileman tempatan.

Pengarahnya, Zahir Omar berkata watak *Mikael* terinspirasi dari kisah Malaikat *Mikael* yang tidak tersenyum kerana neraka diciptakan, manakala genre yang menggabungkan tiga elemen tercetus selepas perbincangan bersama Penulis Skrip, June Tan.



"Filem ini bermula dengan ayat di mana ada pihak yang bertanya pada Malaikat Jibrail mengapa Malaikat *Mikael* tidak senyum dan ketawa. Jibrail mengatakan dia berhenti senyum selepas neraka diciptakan. Dari situ kita menciptakan watak *Mikael*."

"Kemudian, saya berbincang dengan June bagaimana untuk menghiburkan rakyat Malaysia dan dia mencadangkan genre yang dia sukai iaitu Aksi, Komedi dan Seram. Maka, kami gabungkan dan terciptalah *Mikael: Pemburu Dua Alam*."



Filem ini mengisahkan seorang pegawai polis yang menyiasat kes pembunuhan kejam sebelum menyedari ia ada kaitan dengan makhluk dari alam jin. Siasatan tersebut akhirnya membawa kepada pertembungan dengan Raja Jin demi menjaga keseimbangan antara dua dunia.

Mikael: Pemburu Dua Alam akan mula ditayangkan di pawagam seluruh Malaysia bermula 2 April dan dibintangi oleh Remy Ishak, Norreen Iman, Fabian Loo, Alicia Amin dan ramai lagi. - NURIN JASNI



Mikael: Pemburu Dua Alam Berani Pecah Tradisi Genre Supernatural!

Industri seni tempatan jarang mengangkat genre 'supernatural' kerana memerlukan penelitian tinggi, namun Mikael: Pemburu Dua Alam berani mencuba pendekatan baharu, sekali gus menyuntik nafas segar dalam dunia perfileman tempatan.

Pengarahnya, Zahir Omar berkata watak Mikael terinspirasi dari kisah Malaikat Mikael yang tidak tersenyum kerana neraka diciptakan, manakala genre yang menggabungkan tiga elemen tercetus selepas perbincangan bersama Penulis Skrip, June Tan.

"Filem ini bermula dengan ayat di mana ada pihak yang bertanya pada Malaikat Jibrail mengapa Malaikat Mikael tidak senyum dan ketawa. Jibrail mengatakan dia berhenti senyum selepas neraka diciptakan. Dari situ kita menciptakan watak Mikael.

"Kemudian, saya berbincang dengan June bagaimana untuk menghiburkan rakyat Malaysia dan dia mencadangkan genre yang dia sukai iaitu Aksi, Komedi dan Seram. Maka, kami gabungkan dan terciptalah Mikael: Pemburu Dua Alam.

Filem ini mengisahkan seorang pegawai polis yang menyiasat kes pembunuhan kejam sebelum menyedari ia ada kaitan dengan makhluk dari alam jin. Siasatan tersebut akhirnya membawa kepada pertembungan dengan Raja Jin demi menjaga keseimbangan antara dua dunia.

Mikael: Pemburu Dua Alam akan mula ditayangkan di pawagam seluruh Malaysia bermula 2 April dan dibintangi oleh Remy Ishak, Norreen Iman, Fabian Loo, Alicia Amin dan ramai lagi. - NURIN JASNI





Talk To My Manager 2 Kembali, Cik B, Ratu & Anggrek Antara Line Up Baharu!

Program realiti popular Talk To My Manager kembali dengan musim kedua yang lebih besar dan segar, bukan sahaja menampilkan pertandingan berasaskan konsep 'pass-the-baton' antara selebriti dan anak mereka, malah diperluaskan dengan pengenalan 'TTMM Experience', kem latihan eksklusif pertama oleh Astro.

Musim baharu ini menghimpunkan barisan nama terkenal seperti Adira & Anggrek, Datuk Sri Vida & Cik B, Linda Jasmine & Ratu, Datuk Fazley & Fariadz Fazley, Jamilulhayat & Hussain, Datuk A. Aida & Azeva, Nana Mahazan & Althea, Ani Maiyuni & Viviana dan Pak Azad & Amarra, serta Safura & Kim Khairii.

Datuk Aznil Nawawi kembali sebagai pengacara serta Che Puan Sarimah dan Datuk AC Mizal sebagai juri.

Lebih daripada sekadar hiburan, program ini menekankan hubungan kekeluargaan, bimbingan dan pembangunan bakat generasi baharu, selari dengan objektif kem TTMM yang membuka peluang kepada orang ramai merasai latihan profesional dalam dunia hiburan.

Talk To My Manager Musim 2 akan bersiaran mulai 19 April 2026 di Astro Ria, manakala konsert mingguan berlangsung selama lapan minggu dengan hadiah utama RM30,000.



Majlis Rumah Terbuka Seri Syawal Usanita 2026 Meriah, Anuar Zain Tampil Sebagai Kejutan

Kemeriahan Majlis Rumah Terbuka Seri Syawal Usanita 2026 jelas terasa apabila acara anjuran Usanita Group yang berlangsung di Grand Hyatt, di sini dibanjiri kehadiran selebriti popular serta tetamu jemputan.

Majlis yang penuh warna-warni itu turut diserikan dengan pelbagai persembahan daripada barisan penyanyi terkenal tanah air seperti Allan Anderson, Idayu, Hael Husaini, Nadeera, Dayang Nurfaizah, Hafiz Suip, Mimi Fly dan Aisha Retno.

Tidak hanya itu, kehadiran penyanyi legenda Anuar Zain sebagai kejutan istimewa turut menghangatkan lagi suasana malam tersebut.

Selain persembahan, majlis berkenaan turut menjadi tumpuan apabila ramai artis dan duta produk Amber hadir memeriahkan acara termasuk Nora Danish, Fattah Amin, Amira Othman, Liyana Jasmay, Awal Ashaari serta Ajai.

Dalam perkembangan sama, Usanita turut mengambil peluang mengumumkan pelancaran rasmi aplikasi UTV TV.

Selebriti Berhimpun, Rumah Terbuka Aidilfitri Indigital Penuh Warna


Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Indigital berlangsung meriah dengan kehadiran ramai selebriti popular serta tetamu jemputan di LMP Events Hall.

Meneruskan kemeriahan bulan Syawal, majlis tersebut diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk persembahan istimewa daripada barisan artis Indigital seperti Adam Bakery, Wan Chai, Dafi dan Haiza.

Selain itu, acara berkenaan turut menjadi tumpuan apabila dihadiri oleh ramai selebriti terkenal tanah air antaranya Ryan Bakery, Adriana Adnan, Badron Munirah, Sean Lee, Gambit Saifullah, Farihin Arnia, Syamim Frieda serta Uyaina Arshad.

Bukan saja meraikan bulan Syawal bersama selebriti, malah rumah terbuka Aidilfitri Indigital turut meraikan rakan-rakan industri, media dan rakan startegik Indigital.





Amin Abid

@aminxabid 

Daripada Struggle Cari Diri, Kini Amin Abid Jadi Inspirasi Anak Muda

Pempengaruh kembar, Amin Othman dan Abid Othman mengakui bukan mudah untuk berada pada tahap yang mereka berada sekarang.

Datang daripada latar belakang keluarga yang sederhana, bukanlah penghalang untuk adik beradik ini memperbaiki diri dan mengecapi kejayaan mereka yang tersendiri.

Kami datang daripada background B40. Bukan budak pandai pun, tapi bagaimana kami survive daripada fasa itu sampai ke tahap sekarang, alhamdulillah.

"Kami struggle cari talent sebab tak tahu apa function kami dalam hidup. Dalam masa sama, kami nak buat mak ayah gembira," kata mereka.

Perubahan besar dalam hidup mereka bermula apabila secara spontan mereka mula menghasilkan kandungan di TikTok.

Dari situ, mereka mula memberi fokus kepada kandungan berkonsepkan DIY yang selari dengan minat mereka, sekali gus berjaya menarik perhatian ramai.

"Bila start buat TikTok, kami tak sangka penerimaan daripada rakyat Malaysia sangat memberangsangkan. View pun alhamdulillah cecah jutaan. Dari situlah self branding kami makin kuat dan kami makin yakin dengan bakat sendiri," tambah mereka.

Dalam pada itu, pasangan kembar itu juga percaya keyakinan diri bukan datang secara tiba-tiba, sebaliknya terbina melalui proses yang panjang dan konsisten.

"Awal-awal memang rasa 'orang nak dengar ke apa kita cakap?', 'orang nak tengok ke content kita?' Tapi jangan tunggu semua itu. Kita kena buat sahaja. Practice makes perfect.

"Bila kita buat lagi dan lagi, lama-lama confident itu datang sendiri," jelas mereka.

Dalam masa sama, mereka menekankan kepentingan menghargai diri sendiri sebelum mengharap penghargaan daripada orang lain. Mereka juga percaya berada di platform yang betul membantu seseorang membina keyakinan dan menemui komuniti yang positif.

Mengakhiri perkongsian, Amin dan Abid menitipkan pesanan agar orang ramai tidak mudah patah semangat dengan kata-kata negatif.

"Jangan jadikan mulut orang sebagai pematah semangat. Tutup telinga, fokus pada diri sendiri. "Paling penting, jangan pernah berhenti cuba. Kalau tak cuba, kita takkan belajar apa-apa," tambah mereka.





How Oil Surge Could Impact Malaysians

Rising tensions and conflict in the Middle East have caused global oil prices to surge, which could lead to higher fuel prices in Malaysia and increase the cost of transportation, goods, and essential services.

As a result, Malaysians may feel the impact through rising living expenses, especially in areas like food, logistics, and daily necessities, as businesses adjust prices in response to higher operating costs.



Malaysian Taste Wins Hearts In The UK

A Malaysian street food brand called SyioK-Lah started in the UK after founder Kent Hau began cooking to satisfy his craving for authentic Malaysian food during the COVID-19 lockdown.

Despite having no professional culinary background, he built the brand from scratch, focusing on dishes like nasi lemak and rendang, and eventually gained recognition by winning second place at the British Street Food Awards 2023, with plans to open a permanent restaurant in the future.



'Agak-Agak' & 'Boleh' Enter Oxford Dictionary

Several everyday Malaysian and Singaporean words like "agak-agak", "boleh", and "Mat Salleh" have officially been added to the Oxford English Dictionary (OED), recognising how English is uniquely used in the region. The update includes 11 terms influenced by Malay and Hokkien, highlighting the global acceptance of local slang, food names, and expressions as part of evolving world English.